RHB Insurance

| PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS) (Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out this Product. Be sure to also read the general terms and conditions of this Policy) | RHB Insurance Berhad<br>**Motorist Commercial Vehicle Personal Accident**<br>Date : |
|---|---|

## 1. What is this product?

Motorist Personal Accident Insurance covers the Driver and/or Co-Driver or Attendants aged between eighteen (18) years and sixty (60) years against loss of life or bodily injuries while boarding, alighting, driving, repairing of vehicle and changing of tyre(s) at roadside or as a passenger in the vehicle used for commercial purposes. No pre-requisite of Motor Insurance with RHB Insurance Berhad.

## 2. What are the covers/benefits provided?

**Table of Benefit**

| Benefits | Plan A (RM) | | Plan B (RM) | |
|---|---|---|---|---|
| | Driver | Co-Driver / Attendant | Driver | Co-Driver / Attendant |
| 1. Accidental Death | 60,000 | 12,000 | 96,000 | 24,000 |
| 2. Permanent Disablement<br>• Loss of Both Hands or Feet or Sight of Both Eyes | 60,000 | 12,000 | 96,000 | 24,000 |
| • Loss of One Hand and One Foot | 60,000 | 12,000 | 96,000 | 24,000 |
| • Loss of Either Hand or Foot and Sight of one eye | 60,000 | 12,000 | 96,000 | 24,000 |
| • Loss of Either Hand or Foot | 30,000 | 6,000 | 48,000 | 12,000 |
| • Loss of Sight of One Eye | 30,000 | 6,000 | 48,000 | 12,000 |
| 3. Medical Expenses Reimbursement * | 1,000 | 1,000 | 2,000 | 2,000 |

Pays the actual cost per person for medical and surgical treatment trained nurses and hospitalisation incurred within 52 weeks from the date of accident and resulting from injuries sustained.

**Riot, Strike and Civil Commotion**

Injuries suffered by the Insured Person due to Riot Strike and Civil Commotion, provided that the Insured Person is not directly or indirectly participating in such activities.

**PROVIDED ALWAYS THAT:-**

1. Such **Authorised Driver and Attendant** is **NOT LESS THAN EIGHTEEN (18) years or MORE THAN SIXTY (60) years** of age at time of injury resulting in Death, Permanent Disablement or Medical Expenses.
2. Such compensation for Death or Permanent Disablement shall be payable within 365 days of the occurrence of such injury.
3. The Company's limit of liability;
   a. In respect of benefits to the Insured or Authorised driver shall be payable to the Insured who is the driver at the time of the accident. However, in the event that the Insured is present in the Commercial Vehicle as an attendant at the time of the accident the Authorised Driver benefits hereunder shall be payable to the Insured and the Authorised Driver shall only be entitled to attendant benefit.
   b. In respect of benefits to Attendant, the maximum number of Attendant in the Commercial Vehicle shall not exceed the number of attendant covered in the Policy Schedule. If at the time of accident there are more Attendants than the number of Attendant covered in the Policy Schedule the amount payable to Attendant shall be reduced by the ratio of attendant covered to the number of attendant in the Commercial Vehicle. Such benefits payable shall only be made directly to the injured Attendant or to Attendant's legal personal representatives WITH THE APPROVAL OF THE INSURED whose receipt shall be a full discharged in respect of the injury to such person.
   c. Any compensation payable will reduce the amount of benefit stated in the policy if it is not already exhausted.

Duration of cover is **one (1) year**.

## 3. How much premium do I have to pay?

**Annual Premium**

| Covered Person | Plan A (RM) | Plan B (RM) |
|---|---|---|
| 2 persons including Driver | 180 | 320 |

*Premiums shown are subject to 6% service tax. Please take note that RM10 of stamp duty shall be charged.*

## 4. What are the fees and charges that I have to pay?

| Type | Amount |
|---|---|
| a. Commission | 10% of premium will be paid to the Agent |
| b. Service Tax | 6% |
| c. Stamp Duty | RM10 |

## 5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

**a. Importance of Disclosure (Statement Pursuant to Schedule 9 of the Financial Services Act 2013)**

Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

**b. Cash Before Cover (CBC)**

It is hereby declared and agreed that it is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance the premium due **must be paid and received by Us before cover commences.**

**c. Territorial**

Malaysia, Singapore and Brunei.

**d. Importance of Keeping the Official Receipt**

You are strongly advised to keep the Official Receipt for any future references.

**e. Policy Issuance**

The Policy Schedule will be delivered to you within 30 working days from the date of your application approved.

**f. Claims Procedure**

- In the event of an emergency, kindly call us at 03-21803000 or visit our RHB Insurance branches (during office hour) nearest to you.
- In the event of any occurrence which may give rise to a claim under this Policy the Insured shall as soon as possible give notice thereof to the Company with full particulars.
  *Please refer to the Policy Contract for full details of claims procedure.*

**6. What are the major exclusions under this policy?**

**The Company will NOT PAY:**

1. for death or bodily injury directly or indirectly consequent upon:
   a. an accident whilst the Named Commercial Vehicle (modified or unmodified) is utilized for racing, road rally, peace-making or speed testing
   b. any pre-existing physical or mental defect or infirmity.
   c. any person who drives the Named Commercial Vehicle and not holding a valid driver's license issued by the Malaysian Road Transport Department.
   d. accidents arising out of the effect or influence (temporary or otherwise) of alcohol or drugs not prescribed by a qualified medical practitioner or in a state of insanity
   e. (i) war, invasion, act of foreign enemy, hostilities or warlike operations (whether war be declared or not), civil war
      (ii) mutiny, insurrection, martial law, rebellion, revolution, military or usurped power.
      (iii) any act of terrorism
2. for death or bodily injury directly or indirectly caused by or contributed by or arising from:
   a. ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel
   b. nuclear weapons materials
   c. any exposure to nuclear explosion, radiation, radioactive pollution, radioactive processes, military nuclear material or any chemical or biological substance whatsoever.
   d. weapons of mass destruction

***Note:*** *This is non-exhaustive. Please refer to policy documents for full details.*

**7. Can I cancel my policy?**

The Company may cancel this Policy at any time by giving fourteen (14) days written notice to the Insured and provided that no claims has been made by the Insured during the current Policy year, the Insured shall be entitled to a pro-rate refund of premium paid. In the event of request for cancellation by the Insured there shall be no refund of premium.

**8. What do I need to do if there are changes to my contact/ personal details?**

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**9. Where can I get further information?**

Should you require additional information about Motorist Commercial Vehicle Personal Accident, please refer to the *insuranceinfo* booklet on 'Personal Accident Insurance', available at all our branches or you can obtain a copy from the insurance agent or visit www.insuranceinfo.com.my

If you have any enquiries, please contact us at:

**RHB INSURANCE BERHAD** *(38000-U) is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.*
Level 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak
55000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2180 3000; Fax :03-2163 7233
Website : www.rhbgroup.com/insurance

**10. Other types of Personal Accident cover available**

Please ask your insurer / intermediary for other types of plans offered by the insurer.

**IMPORTANT NOTE :**

**YOU ARE ADVISED TO NOTE THE SCALES OF BENEFITS FOR DEATH AND DISABLEMENT IN YOUR INSURANCE POLICY. YOU MUST NOMINATE A NOMINEE AND ENSURE THAT YOUR NOMINEE IS AWARE OF THE PERSONAL ACCIDENT POLICY THAT YOU HAVE PURCHASED. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT/PERSONAL BANKER OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.**

| **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)**<br>(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan membeli produk ini, Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini) | **RHB Insurance Berhad**<br>**Insurans Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang (Kenderaan Komersil)**<br>**Tarikh :** |
|---|---|

## 1. Apakah produk ini?

Insurans Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang melindungi Pemandu dan/atau Pemandu Bantuan atau Atendan yang berumur di antara 18 tahun hingga 60 puluh tahun daripada kehilangan nyawa atau kecederaan tubuh badan semasa menaiki, menuruni, memandu, membaiki kenderaan dan menukar tayar di tepi jalan atau sebagai penumpang di dalam kenderaan yang digunakan untuk tujuan komersil. Tidak perlu ada Motor Insurans dengan RHB Insurance Berhad.

## 2. Apakah perlindungan yang diberi / manfaat yang disediakan?

**Jadual Manfaat**

| Manfaat-manfaat | Pelan A (RM) | | Pelan B (RM) | |
|---|---|---|---|---|
| | Pemandu | Pemandu Bantuan / Atendan | Pemandu | Pemandu Bantuan / Atendan |
| 1. Kematian akibat Kemalangan | 60,000 | 12,000 | 96,000 | 24,000 |
| 2. Kehilangan Upaya Kekal<br>• Kehilangan kedua-dua tangan atau kaki atau penglihatan bagi kedua-dua mata | 60,000 | 12,000 | 96,000 | 24,000 |
| • Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki | 60,000 | 12,000 | 96,000 | 24,000 |
| • Kehilangan satu tangan atau satu kaki dan penglihatan bagi satu mata | 60,000 | 12,000 | 96,000 | 24,000 |
| • Kehilangan satu tangan atau satu kaki | 30,000 | 6,000 | 48,000 | 12,000 |
| • Kehilangan penglihatan bagi sebelah mata | 30,000 | 6,000 | 48,000 | 12,000 |
| 3. Pembayaran balik Perbelanjaan Perubatan * | 1,000 | 1,000 | 2,000 | 2,000 |

* Membayar kos sebenar bagi setiap orang untuk rawatan perubatan dan pembedahan termasuk jururawat terlatih dan kemasukan hospital yang berlaku dalam lingkungan 52 minggu daripada tarikh kemalangan dan mengakibatkan kecederaan.

**Rusuhan, Mogok dan Peperangan Sivil**

Kecederaan yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan akibat Rusuhan, Mogok dan Peperangan Sivil, dengan syarat Orang yang Diinsuranskan hendaklah tidak secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

**DENGAN SYARAT:-**

1. Setiap Pemandu yang Dibenarkan dan Atendan **TIDAK KURANG DARIPADA LAPAN BELAS (18)** tahun atau **MELEBIHI DARIPADA ENAM PULUH (60)** tahun ketika berlakunya kecederaan yang mengakibatkan kepada Kematian, Kecacatan Kekal atau Perbelanjaan Perubatan.
2. Sebarang pampasan untuk Kematian atau Kecacatan Kekal akan dibayar di dalam tempoh 365 hari dari tarikh berlakunya sebarang kecederaan tersebut.
3. Had liabiliti Pihak Syarikat;
   a. Untuk manfaat-manfaat kepada Orang yang Diinsuranskan atau Pemandu yang Dibenarkan, akan dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan yang merupakan pemandu ketika berlakunya kemalangan tersebut. Walaubagaimanapun, sekiranya Orang yang Diinsuranskan berada di dalam Kenderaan Komersil sebagai Atendan ketika berlakunya kemalangan tersebut, Manfaat-manfaat untuk Pemandu yang Dibenarkan akan dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan tersebut dan Pemandu yang Dibenarkan itu hanya akan layak menerima manfaat-manfaat kepada Atendan.
   b. Untuk manfaat-manfaat kepada Atendan, jumlah maksima bilangan atendan di dalam Kenderaan Komersil hendaklah tidak melebihi bilangan Atendan yang dilindungi di dalam Jadual Polisi. Sekiranya ketika berlakunya kemalangan bilangan atendan di dalam Kenderaan Komersil tersebut melebihi bilangan Atendan yang dilindungi di dalam Jadual Polisi, jumlah manfaat yang perlu dibayar kepada setiap atendan akan dikurangkan mengikut kadar bilangan Atendan yang dilindungi kepada bilangan atendan yang berada di dalam Kenderaan Komersil tersebut. Sebarang manfaat yang perlu dibayar hanyalah akan dibayar secara langsung kepada Atendan yang tercedera atau kepada wakil sah Atendan DENGAN KEBENARAN DARI ORANG YANG DIINSURANSKAN di mana sebarang penerimaan manfaat akan dianggap sebagai kelepasan sepenuhnya sebarang liabiliti ke atas sebarang kecederaan kepada mana-mana atendan.
   c. Sebarang pampasan yang perlu dibayar akan mengurangkan jumlah manfaat yang dinyatakan di dalam Polisi jika hadnya masih tidak digunakan sepenuhnya.

Tempoh perlindungan adalah **satu (1) tahun**. Anda hendaklah memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

## 3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

**Premium Tahunan**

| Orang yang Dilindungi | Pelan A (RM) | Pelan B (RM) |
|---|---|---|
| 2 orang termasuk Pemandu | 180 | 320 |

*Premium yang dipaparkan tertakluk kepada cukai perkhidmatan 6%. Sila ambil perhatian bahawa duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan.*

| 4. Apakah bentuk bayaran yang dikenakan dan yang perlu dibayar? | |
|---|---|
| **Jenis** | **Jumlah** |
| a. Komisen (jika ada)<br>b. Cukai Perkhidmatan<br>c. Duti Setem | 10% daripada premium akan dibayar kepada ejen<br>6%<br>RM10 |

**5. Apakah terma dan syarat penting yang saya perlu tahu?**

**a) <u>Kepentingan Pendedahan Maklumat (Kenyataan Menurut Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013)</u>**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**b) <u>Tunai Sebelum Perlindungan</u>**

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa adalah menjadi asas dan syarat khas mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa bayaran premium mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat Insurans sebelum perlindungan bermula.

**c) <u>Kawasan yang Dihadkan</u>**

Malaysia, Singapura dan Brunei

**d) <u>Kepentingan Menyimpan Resit Rasmi</u>**

Setelah pembayaran premium dilakukan, sila pastikan anda diberikan Resit Rasmi sebagai bukti pembayaran. Anda dinasihatkan supaya menyimpan Resit Rasmi tersebut untuk sebarang rujukan lanjut.

**e) <u>Penghantaran Polisi</u>**

Jadual Polisi akan dihantar kepada anda dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan anda diluluskan.

**f) <u>Prosedur Tuntutan</u>**

- Sekiranya berlaku kecemasan, sila hubungi kami di talian 03-21803000 atau kunjungi cawangan RHB Insurance yang berdekatan anda (waktu pejabat sahaja).
- Jika berlaku kejadian yang mungkin menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini, anda hendaklah mengemukakan notis kepada pihak Syarikat bersama dengan butiran lengkap.

*Sila rujuk Polisi Kontrak untuk maklumat lengkap mengenai prosedur tuntutan.*

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

**Syarikat TIDAK AKAN MEMBAYAR:**

1. untuk kematian atau kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
   a. kemalangan semasa Kenderaan Komersil yang Dinamakan (diubahsuai atau tidak diubahsuaikan) digunakan untuk perlumbaan, rali, pendamaian atau ujian kelajuan
   b. sebarang kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan sedia wujud.
   c. sesiapa yang memandu Kenderaan Komersil yang Dinamakan dan tidak memegang lesen memandu yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.
   d. Kemalangan yang berlaku akibat atau dipengaruhi (sementara atau sebaliknya) oleh alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan berkelayakan atau di dalam keadaan tidak waras.
   e. (i) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan, atau operasi peperangan (samaada peperangan yang diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil.
   (ii) pemberontakan, undang-undang tentera, pemberontakan, revolusi, tentera, rampasan kuasa pihak tentera
   (iii) sebarang perbuatan ganas
2. untuk kematian atau kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, atau timbul daripada:
   a. pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada sebarang bahan api nuklear atau sebarang buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear
   b. bahan senjata nuklear
   c. Sebarang pendedahan kepada letupan nuklear, penyinaran, pencemaran radioaktif, proses radioaktif, bahan nuklear tentera atau sebarang bahan kimia atau biologi.
   d. senjata kemusnahan besar

***Nota:*** *Ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi dokumen untuk butir-butir penuh.*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Syarikat boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan empat belas (14) hari notis bertulis kepada Pihak Diinsuranskan dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat oleh Pihak Diinsuranskan dalam tempoh tahun Polisi sekarang, Pihak Diinsuranskan akan berhak kepada pembayaran balik secara pro-rata kepada premium yang telah dibayar. Tiada pemulangan premium akan diberikan sekiranya pembatalan Polisi adalah atas permintaan Orang yang Diinsuranskan.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan/butir-butir peribadi?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat profil diri termasuk pekerjaan dan kegiatan peribadi kerana perubahan ini akan memberi kesan terhadap profil risiko anda.

**9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang (Kenderaan Komersil), sila rujuk kepada buku kecil *insuransinfo* berkenaan "Insurans Kemalangan Diri" yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.insuransinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**RHB INSURANCE BERHAD** (38000-U) *dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.*
Tingkat 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Telefon. : 03-2180 3000; Faksimili : 03-2163 7233
Laman web: www.rhbgroup.com/insurance

**10. Lain-lain perlindungan insurans kemalangan diri yang boleh di dapati**

Sila rujuk kepada pihak insurans anda/pengantara untuk lain-lain pelan insurans yang ditawarkan.

**NOTIS PENTING :**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MERUJUK KEPADA SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELETAKKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA TERSEBUT DIMAKLUMKAN TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN/PEGAWAI BANK ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

***Maklumat yang terkandung di sini adalah berkuatkuasa mulai 01/09/2018***